

03/01/2004

Pendekatan mencegah jenayah

Muhd Ramadhan Fitri Ellias

MENYEDARI dan menginsafi bahawa membanteras jenayah adalah suatu tugas yang memerlukan perhatian serius semua pihak, Majlis Perwakilan Mahasiswa Universiti Malaya (MPMUM) ingin mencadangkan beberapa pendekatan bagi mencegah jenayah, terutama kes pembunuhan yang kini semakin berleluasa.

Pertama, MPMUM mencadangkan supaya diperketatkan tapisan terhadap bahan-bahan media yang mempunyai unsur ganas. Kementerian Dalam Negeri khususnya perlu mengambil langkah segera dalam menilai kembali kelulusan bahan-bahan media, terutama yang diimport dari luar negara.

Selama ini, elemen ganas dan tidak bermoral saban hari menjadi tatapan umum yang akhirnya cuba dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Apa yang merisaukan ialah kesan bahan-bahan itu terhadap kanak-kanak dan remaja. Golongan ini secara tidak langsung akan didoktrinkan dengan budaya ganas dan berunsur jenayah.

Kedua, pelaksanaan hukuman yang setimpal. Dalam konteks ini, pembunuh harus dikenakan hukuman mati. Kita sewajarnya menilai cadangan ini secara rasional, bukannya menghukum berdasarkan emosional.

Lebih baik lagi jika kuasa pengampunan diberikan kepada keluarga mangsa sebelum dibawa kepada Yang Dipertuan Agong. Rasionalnya ialah keluarga mangsa adalah golongan yang paling hampir dan merasai kehilangan mangsa.

Ketiga, corporal punishment atau hukuman di khalayak ramai. Perkara ini pernah disuarakan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dalam mengulas isu sumbang mahram.

Corak pendekatan sebegini bukan saja memberi kesedaran kepada pesalah, malah menimbulkan rasa gerun terhadap anggota masyarakat lain. Hal ini secara tidak langsung bertepatan dengan falsafah perundangan Islam dijelaskan oleh Prof Dr Mohammad Kamali yang mempunyai dua objektif iaitu:

- i) Mengenakan hukuman terhadap pesalah.
- ii) Melindungi masyarakat daripada perbuatan jenayah.

Kami mengharapkan cadangan yang dikemukakan ini dapat dinilai dan dipertimbangkan untuk tindakan selanjutnya. Semoga Malaysia akan bebas daripada jenayah dan masyarakat akan hidup dengan aman, harmoni dan bersatu padu.

MUHD RAMADHAN FITRI ELLIAS

Yang Dipertua,

Majlis Perwakilan Mahasiswa Universiti Malaya (MPMUM).